

Graduan diminta tidak pilih kerja

Oleh

HAYATI DZULKIFLI

KOTA KINABALU: Yang Di Pertua Negeri Tun Haji Ahmadshah Abdullah menasihatkan graduan universiti tempatan mencari alternatif lain untuk bekerja dan tidak terus terikat kepada kelayakan yang mereka peroleh.

Mereka juga harus menimbang untuk bekerja sendiri dan tidak perlulah menunggu senarai yang panjang untuk bekerja dalam sektor Kerajaan ataupun swasta, katanya.

Dalam keadaan sekarang, semakin ramai graduan yang menganggur setelah menghadapi beberapa kesulitan untuk mendapatkan pekerjaan, katanya ketika berucap di majlis konvokesyen ke-5 Universiti Malaysia Sabah (UMS), di Teluk Likas di sini pada Sabtu.

Mereka boleh menimbang untuk memulakan perniagaan secara kecil-kecilan atau memajukan tanah keluarga untuk memperoleh pendapatan yang lebih baik, tambahnya.

Seramai 2,408 graduan menerima skrol mereka



PENERIMA anugerah Pingat Emas Canselor, Melissa Thong Chui Ken menerima kucupan tahniah daripada ibunya selepas majlis konvokesyen tersebut.

semasa majlis konvokesyen dua hari itu.

Ahmad shah yang juga Canselor UMNS berkata, para graduan boleh menimbang alternatif dan cara untuk meraih pendapatan lebih baik dengan menggunakan kemahiran dan pengetahuan mereka sepenuhnya.

Beliau juga menasihatkan para graduan supaya bersiap sedia untuk menghadapi senario yang berbeza dan lebih mencabar.

Sebagai pelajar, fokus

mereka hanya untuk mencapai kecemerlangan dalam pengajian selain daripada aktif dalam kegiatan kurikulum.

"Tetapi sekarang sebagai graduan, mereka dijangka menunaikan tanggungjawab bukan sahaja terhadap diri mereka sendiri, tetapi juga terhadap masyarakat dan pembangunan negara," katanya, sambil menambah, cerdikpandai adalah aset dan penggerak utama pembangunan negeri dan juga negara.